



moa
INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KEPUNGAN BABI

No Dokumentasi : APTVM (19a(1):2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KEPUNGAN BABI

No Dokumentasi : APTVM (19a(1):2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN**Muka surat**

Jawatankuasa Penyediaan Arahan Prosidur Tetap Veterinar
Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

1.0 Pengenalan	1
2.0 Skop	1
3.0 Definisi	1
4.0 Kata Singkatan	3
5.0 Kelayakan Memohon	4
6.0 Tanggungjawab Veterinawan Bertauliah	4
6.1 Pemeriksaan Veterinar	4
6.2 Survelan dan Pensampelan	4
6.3 Pemvaksinan	5
6.4 Pemeriksaan Post-Mortem	5
6.5 Profil Gerompok	5
6.6 Pemindahan Ternakan Babi	6
6.6 Rekod	6
7.0 Prosidur Pemohonan	7
8.0 Pendaftaran Kepungan	7
9.0 Tanggungjawab Pegawai Pemeriksa Veterinar JPV	7
9.1 Pemeriksaan keakuran dan audit ulangan	7
9.2 Pemeriksaan semula	8
9.3 Rekod Veterinar	8
10.0 Pemeriksaan dan Laporan Kepungan	8
11.0 Pengiktirafan Kepungan	9
12.0 Pembatalan Kepungan	9
Senarai Rujukan	10
Carta Aliran Pembangunan Kepungan	11
Lampiran 1. Borang Permohonan - SALT-K(B)	
Lampiran 2. Senarai Semak Kepungan Babi	
Lampiran 3. Laporan Pemeriksaan Keakuran dan Pemeriksaan Ulangan	
Lampiran 4. Log Pemeriksa Kepungan Babi	
Penghargaan	
Prosidur Penyediaan Arahan Prosidur Tetap Veterinar	

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Industri ternakan babi sedang melalui proses transformasi. Jabatan Perkhidmatan Veterinar menggalakkan Perladangan Babi Moden yang lebih mesra alam dan lestari. Namun begitu industri ini masih lagi menghadapi risiko penyakit sebagaimana pernah berlaku ketika wabak Nipah (1999). Maka bagi mengurangkan risiko demikian dengan ini diperkenalkan konsep kepungan.

Konsep kepungan dilaksanakan untuk membolehkan kepungan yang bebas meneruskan perdagangan. Langkah mencegah pergerakan ternakan ke atas semua ladang bila berlaku kejadian penyakit lazimnya boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada industri. Maka melalui konsep kepungan yang menitikberatkan amalan biosecuriti dan amalan penternakan yang baik, program kesihatan gerompok yang teratur dan aktiviti surveyan tersusun yang dapat memastikan keutuhan kepungan bagi membolehkan dagangan berjalan dengan selamat.

Maka dengan penerbitan APTVM Kepungan Babi ini saya ingin mengarahkan kepada semua anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Veterinawan Bertauliah mematuhiinya bagi membangunkan kepungan babi yang utuh. Dalam pada itu saya ingin mengesyorkan kepada semua ladang babi yang telah mendapat pengiktirafan SALT untuk menaikkan taraf ladang tuan untuk menjadi kepungan bagi membolehkan pembangunan industri yang lebih mapan.



Dato' Dr Abd Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA KEPUNGAN BABI

1.0 PENGENALAN

Kejadian wabak penyakit boleh menyebabkan sekatan kepada pemindahan ternakan dan produk ternakan ke negara lain. Ini telah dibuktikan semasa wabak virus Nipah (1999) yang menyebabkan kerugian besar kepada industri babi.

Konsep kepungan telah diperkenalkan oleh OIE untuk mengawal penyakit dan patogen dalam populasi ternakan tanpa mengganggu perdagangan. Penubuhan kepungan dijangka dapat melancarkan dagangan ternakan dan produknya. Kepungan menitikberatkan biosecuriti yang baik, amalan penternakan yang baik, program kesihatan gerompok yang teratur dan aktiviti surveyan penyakit.

Ternakan dan produk yang dihasilkan dalam kepungan yang diiktiraf bebas dari sebarang penyakit akan mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Tahap keselamatan makanan yang dihasilkan adalah lebih terjamin dan kepentingan serta kesihatan pengguna dilindungi.

2.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) untuk kepungan babi akan menjelaskan syarat kelayakan penubuhan kepungan, peranan, prosedur dan pengurusan meliputi status, pensampelan, ujian, rekod, audit, pengesahan dan pembatalan kepungan.

3.0 DEFINISI

3.1 Establishmen

Tempat, kandang, reban, loji pemprosesan, kilang, klinik, kedai, premis atau rumah di mana haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan.

3.2 Kepungan

Satu atau lebih establishmen di bawah sistem pengurusan biosekuriti yang sama terdiri daripada populasi haiwan dengan status penyakit yang jelas, dimana telah dijalankan surveyan, kawalan penyakit pengurusan biosekuriti untuk tujuan pemindahan.

3.3 Ladang Babi

Mana-mana tempat dimana peladangan babi dijalankan dan termasuk mana-mana tempat untuk menyimpan babi.

3.4 Pemvaksinan

Proses memberi vaksin pada babi sebagai langkah mencegah sesuatu penyakit.

3.5 Pemeriksaan Dokumen

Audit ke atas dokumen sokongan yang dijalankan oleh Veterinawan Bertauliah (VB) bagi memastikan protokol dan SOP kepungan diaplikasi secara berkesan dan sempurna.

3.6 Pemeriksaan Keakuran

Audit awal/pertama meliputi audit lapangan dan audit dokumen yang dijalankan oleh VB bagi menilai samada syarat dan kriteria pembangunan kepungan yang ditetapkan oleh JPV dipenuhi.

3.7 Pemeriksaan Lapangan

Audit yang dijalankan di kepungan oleh VB bagi memastikan syarat dan kriteria pembangunan kepungan yang ditetapkan oleh JPV dipenuhi.

3.8 Pemeriksaan Ulangan

Audit susulan yang dijalankan oleh VB bagi membuktikan dan menilai tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan dengan sempurna, jika perlu.

3.9 Pemeriksaan Semula

Melibuti audit lapangan dan audit dokumen sekurangnya sekali setahun setelah diiktiraf sebagai kepungan yang dijalankan oleh VB bagi memastikan semua syarat dan kriteria pembangunan kepungan dipenuhi dan dikekalkan sepanjang masa.

3.10 Penyakit Wajib Lapor

Senarai penyakit yang telah diwartakan dalam Akta Binatang 1953, P.U (B) 44 Pengisytiharan Penyakit Binatang dan Burung.

3.11 Rekod Veterinar

Data atau maklumat berkaitan veterinar yang disimpan untuk rujukan.

3.12 Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT)

Program Kepastian Kualiti oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengiktiraf ladang ternakan mematuhi syarat minimum GAHP, biosecuriti, kawalan penyakit dan kawalan pencemaran alam sekitar.

3.13 Status Kepungan

Menyatakan penetapan status kepungan tersebut berdasarkan kriteria yang ditetapkan JPV.

3.14 Survelan

Aktiviti pensampelan, pelaporan dan analisa yang sistematik bagi mengetahui status, taburan, corak dan tanda penyakit dalam populasi babi.

3.15 Vaksin

Merupakan bahan biologik yang diberi kepada unggas bagi meningkatkan imuniti terhadap sesuatu penyakit.

3.16 Veterinawan Bertauliah (VB)

Pengamal veterinar yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia dan dilantik oleh JPV bagi menjalankan tugas pemeriksaan bagi pihak JPV.

4.0 KATA SINGKATAN

CSF – Classical swine fever

ELISA – Enzyme-linked Immunosorbent Assay

JPK – Jawatankuasa Pembangunan Kepungan

JPV – Jabatan Perkhidmatan Veterinar

PCR – Polymerase Chain Reaction

SALT – Skim Amalan Ladang Ternakan

VB – Veterinawan Bertauliah

5.0 KELAYAKAN MEMOHON

- 5.1 Ladang babi yang berminat untuk menubuhkan kepungan perlu terdiri daripada ladang yang telah mendapat persijilan SALT.
- 5.2 Pemohon perlu mengenalpasti semua ladang/premis babi lain dari luar pagar sekeliling ladang sehingga 1km radius.
- 5.3 Memiliki Veterinawan Bertauliah (Ladang).

6.0 TANGGUNGJAWAB VETERINAWAN BERTAULIAH

6.1 Pemeriksaan Veterinar

Pemeriksaan veterinar perlu dijalankan oleh Veterinawan Bertauliah sekurangnya 4 kali setahun yang meliputi keadaan persekitaran dari luar pagar sekeliling ladang sehingga 1km radius keliling, biosecuriti, pengurusan sumber dan input ladang, pengurusan sanitasi dan sisa ladang dan kawalan penyakit.

6.2 Survelan dan Pensampelan

- 6.2.1 Survelan klinikal untuk Penyakit Kuku dan Mulut (foot and mouth disease), penyakit Demam Babi [classical swine fever (CSF)] dan penyakit Aujeszky's (AD) perlu dilakukan sekurangnya 4 kali setahun pada semua babi domestik dan populasi babi hutan, dengan keputusan negatif meliputi keadaan persekitaran dari luar pagar sekeliling ladang sehingga 1km radius.
- 6.2.2 Survelan klinikal juga perlu dijalankan ke atas penyakit wajib lapor yang lain seperti diarahkan oleh JPV.
- 6.2.3 Pensampelan darah untuk ujian saringan penyakit perlu diambil setahun sekali.

- 6.2.4 Semua ujian makmal perlu dijalankan di makmal yang diiktiraf oleh JPV.

6.3 Pemvaksinan

- 6.3.1 Kepungan babi perlu disahkan bebas oleh JPV dari penyakit berikut :

6.3.1.1 Penyakit Kuku dan Mulut tanpa pemvaksinan.

6.3.1.2 Penyakit CSF dengan pemvaksinan.

6.3.1.3 Penyakit Aujeszky's dengan atau tanpa pemvaksinan.

- 6.3.2 Semua babi perlu diberi vaksin terhadap penyakit CSF atau penyakit lain seperti yang diarahkan oleh JPV. Semua program pemvaksinan perlu direkodkan dan hanya vaksin yang dibenarkan sahaja boleh digunakan (rujuk kepada JPV).

- 6.3.3 Penggunaan anti-mikrob perlu disahkan oleh pegawai veterinar di ladang seperti yang diarahkan oleh JPV.

6.4 Pemeriksaan Post Mortem

- 6.4.1 Babi yang mati perlu dijalankan pemeriksaan post-mortem dan disiasat untuk penyakit. Pelupusan bangkai babi tersebut perlu dijalankan dengan segera samada ditanam atau dibakar.

- 6.4.2 Spesimen perlu dihantar di makmal yang diiktiraf oleh JPV untuk diagnosis, jika perlu.

6.5 Profil Gerompok (herd profiling)

- 6.5.1 Profil gerompok perlu dinilai sekurang-kurangnya setahun sekali untuk menentukan keberkesaan program pemvaksinan.

6.6 Pemindahan Ternakan Babi

- 6.6.1 Babi yang dimasukkan ke dalam kepungan perlu disahkan bebas dari penyakit oleh JPV.
- 6.6.2 Pengimportan babi dari negara lain perlu mengikut protokol yang diluluskan oleh JPV.
- 6.6.3 Sistem daya jejak hendaklah dipatuhi hingga ke rumah sembelih
- 6.6.4 Kebajikan haiwan dalam ladang dan semasa pengangkutan ternakan ke loji pemprosesan perlu dijaga.

6.7 Rekod

- 6.7.1 Rekod veterinar disimpan untuk pemeriksaan dan diaudit oleh Pegawai Pemeriksa JPV. Rekod perlu mudah dicatat, dibaca, dianalisa dan difahami.
 - 6.7.1.1 Rekod Ladang
 - Buku log pelawat
 - Rekod latihan di ladang
 - Rekod program makhluk perosak/liar
 - Rekod pelanggan ladang
 - 6.7.1.2 Rekod Pengeluaran
 - Rekod pengeluaran ternakan
 - Rekod pemakanan ternakan
 - 6.7.1.3 Rekod Kesihatan Gerompok
 - Rekod kematian ternakan
 - Rekod pemeriksaan klinikal
 - Rekod post-mortem dan makmal
 - Rekod surveyan penyakit
 - Rekod pemvaksinan dan ubatan
 - Rekod profil gerompok
 - 6.7.1.4 Dokumen lain
 - Pelan kesiapsagaan ladang untuk penyakit

- Program surveyan penyakit tahunan
- Prosedur laporan penyakit kepada JPV
- Program latihan pekerja ladang tahunan

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 7.1 Pemohon baru perlu mengisi borang permohonan (Lampiran 1) dan disertakan dengan dokumen ladang yang berkaitan termasuk sijil SALT yang sah.
- 7.2 Permohonan tersebut perlulah dikemukakan ke Bahagian Regulatori, JPV Negeri yang akan menghantar satu salinan permohonan tersebut kepada Urusetia Jawatankuasa Pembangunan Kepungan (JPK) di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

8.0 PENDAFTARAN KEPUNGAN

- 8.1 Urusetia JPK akan menyemak permohonan.
- 8.2 Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses dan didaftarkan.
- 8.3 Jika lengkap, Urusetia JPK akan melantik pegawai pemeriksa untuk menjalankan pemeriksaan keakuran keatas kepungan tersebut.

9.0 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN REGULATORI JPV NEGERI

9.1 Pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan

- 9.1.1 Menjalankan pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan (jika perlu) keatas kepungan yang didaftar mengikut senarai semak (Lampiran 2).

- 9.1.2 Menyediakan laporan pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan mengikut format (Lampiran 4) dan menghantar salinan laporan tersebut kepada Urusetia JPK.
- 9.1.3 Membentangkan laporan keakuran dalam Mesyuarat JPK di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar nanti.

9.2 Pemeriksaan semula

- 9.2.1 Menjalankan pemeriksaan semula ke atas kepungan yang telah diiktiraf sekurang-kurangnya sekali setahun mengikut senarai semak (Lampiran 2).
- 9.2.2 Menyediakan laporan pemeriksaan semula mengikut format (Lampiran 3) dan menghantar salinan laporan tersebut kepada Urusetia JPK.

9.3 Rekod Veterinar

- 9.3.1 Menyemak rekod veterinar di kepungan.
- 9.3.2 Merekodkan aktiviti pemeriksaan dalam log pemeriksa (Lampiran 4) di lapangan dan menghantar satu salinan log pemeriksa kepada Urusetia JPK di Ibu Pejabat.

10.0 PEMERIKSAAN DAN LAPORAN KEPUNGAN

- 10.1 Pemeriksaan keakuran akan dijalankan oleh pegawai pemeriksa yang dilantik.
- 10.2 Pemeriksaan ulangan akan dijalankan jika terdapat kekurangan atau kelemahan yang perlu diperbaiki semasa pemeriksaan keakuran dijalankan. Pemohon hendaklah mendapatkan khidmat nasihat untuk penambahbaikan hasil pemeriksaan keakuran.

- 10.3 Hasil pemeriksaan dan laporan penilaian akan disediakan oleh pegawai pemeriksa yang berkenaan dan akan dibentangkan kepada JPK di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.
- 10.4 Urusetia JPK akan memaklumkan keputusan penubuhan kepungan kepungan dalam Mesyuarat Pengiktirafan Ladang SALT yang akan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar.
- 10.5 Bagi ladang yang berjaya memenuhi semua syarat dan kriteria pembangunan kepungan, pemeriksaan semula kepungan akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh pegawai pemeriksa yang dilantik dan perlu memastikan semua kriteria dan syarat pembangunan kepungan dan SALT dipenuhi dan dikekalkan sepanjang masa.
- 10.6 Pemantauan akan dijalankan bila-bila masa melalui penyelarasan Urusetia JPK di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar.

11.0 PENGIKTIRAFAN KEPUNGAN

- 11.1 Pengiktirafan kepungan akan dimaklumkan oleh Urusetia Pengitarafan Ladang SALT.

12.0 PEMBATALAN KEPUNGAN

- 12.1 Ladang yang ditutup dan tidak beroperasi.
- 12.2 Penarikan sijil SALT.
- 12.3 Tidak memperbaharui sijil SALT.

11.4 Melanggar syarat - syarat dan kriteria SPS yang ditetapkan oleh JPV.

11.5 Gagal akur kepada teguran dua kali.

Senarai Rujukan

1. Akta Binatang 1953.
2. DEFRA – Classical Swine Fever Fact Sheet -
<http://www.defra.gov.uk/animalh/diseases/notifiable/csf/index.htm>
3. OIE Manual of Diagnostic Tests and Vaccines for Terrestrial Animals. Chapter 2.6.7.5
4. OIE Chapter 1.3.5. Zoning and Compartmentalisation.
5. Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia, 2003.

CARTA ALIRAN PENGIKTIRAFAN KEPUNGAN BABI**TANGGUNGJAWAB**

Penternak

Bahagian Regulatori JPV Negeri

Urusetia JPK

Urusetia JPK

Pegawai Pemeriksa

Pegawai Pemeriksa

Urusetia JPK

Pegawai Pemeriksa

JPK

Ketua Pengarah

AKTIVITI

Kemukakan permohonan

Terima dan menghantar permohonan kepada Urusetia JPK di ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya

Menyemak permohonan

Melantik pegawai pemeriksa

Menjalankan pemeriksaan keakurran


Sediakan laporan dan menghantar kepada Urusetia JPK

Menilai laporan

Membentang laporan keakurran dalam Mesyuarat JPK

Membuat penilaian

Surat perakuan kepungan



Borang SALT-K (B)



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

KEPUNGAN LADANG BABI
(untuk diisi oleh Pegawai Veterinar di Ladang)

**1. BUTIR-BUTIR TUAN PUNYA LADANG**

	Syarikat	Ladang
Kod ladang		
No. SALT		
Nama		
Alamat		
Poskod		
Bandar		
Negeri		
No. Telefon		
No. Faks		
E-mail		
Bacaan GPS		
Keluasan ladang		
Nama untuk dihubungi		

2. JENIS OPERASI

Sila tandakan (✓)

Pedaging	
Pembiakbaka	

3. SUMBER PEMBIAKBAKA

Nama Ladang	Alamat Ladang

4. LADANG LAIN DALAM KEPUNGAN

Nama ladang	Jumlah Ladang	Anggaran populasi babi

.....
Tandatangan Pemohon

Nama :

No. K/P:

Tarikh :

Cop syarikat

Disemak dan disokong oleh,

.....
(T/tangan Veterinarian Berfauliah Ladang)

Nama :

No. K/P:

Tarikh :

Cop rasmi :

Nota :

Sila lampirkan dokumen berikut :

Bil.	Lampiran	Tandakan (\)
1	Sijil SALT terkini	
2	Pelan Susunatur Ladang dan 1km radius dari pagar keliling ladang	
3	a. Rekod Kesihatan Gerompok babi dalam kawasan 1km radius dari pagar keliling ladang <ul style="list-style-type: none"> i. Rekod kematian ternakan ii. Rekod pemeriksaan klinikal iii. Rekod post-mortem dan makmal iv. Rekod profil gerompok v. Rekod surveyan penyakit vi. Rekod pemvaksinan dan ubatan 	
4	Dokumen-dokumen lain <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan kesiapsagaan ladang untuk penyakit ii. Program surveyan penyakit tahunan 1km radius dari pagar keliling ladang iii. Prosedur laporan penyakit kepada JPV Negeri iv. Program latihan pekerja ladang tahunan 	

Senarai Semak Kepungan Babi

Bil	Perkara	Ya	Tidak
1	Sijil SALT yang sah.		
2	Lingkungan Kepungan – 1 km radius dari pagar sekeliing pagar ladang. (Sila berikan pelan susunatur ladang dan kawasan 1km radius dari pagar keliling ladang).		
3	Pemeriksaan Veterinari dalam kepungan secara am - dijalankan oleh veterinawan bertauliah sekurangnya 3 bulan sekali.		
4	Latihan biosecuriti pekerja ladang sekurangnya sekali setahun.		
5	Status penyakit – bebas FMD, CSF dan AD (rujuk kepada rekod ladang).		
6	Pemeriksaan Post-Mortem dijalankan oleh veterinawan bertauliah ke atas ternakan yang mati kerana disyaki penyakit .		
7	Sampel kes kematian yang berpenyakit ada dihantar ke makmal diagnosis (jabatan/swasta).		
8	Pemvaksinan untuk CSF.		
9	Profil gerompok untuk CSF dan penyakit lain jika ada.		
10	Survelan untuk penyakit <ol style="list-style-type: none"> Kes klinikal – 3 bulan sekali Pasif surveleans untuk FMD, CSF dan AD – sampel darah dihantar ke makmal sekali setahun. 		
11	Pemindahan haiwan <ol style="list-style-type: none"> Hanya babi yang bebas penyakit di benarkan masuk ladang. Sistem daya jejak untuk pengangkutan babi ke rumah sembelih. 		
12	Rekod <ol style="list-style-type: none"> Rekod Kesihatan Gerompok <ol style="list-style-type: none"> Rekod kematian ternakan Rekod pemeriksaan klinikal Rekod postmortem dan makmal Rekod profilgerompok Rekod surveyan penyakit Rekod pemvaksinan dan ubatan Dokumen lain <ol style="list-style-type: none"> Pelan kesiapsagaan ladang untuk penyakit Program surveyan penyakit tahunan Prosedur laporan penyakit kepada JPV Program latihan pekerja ladang tahunan 		

GARISPANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPUNGAN BABI

1. Pengenalan

Nama Kepungan: _____

Audit: _____

Latarbelakang Kepungan (dimana perlu)

- Jenis Ternakan
- Jumlah pengeluaran

2. Hasil Pemeriksaan

- Tarikh pemeriksaan terdahulu (bagi audit keakuran) – penerimaan baru jika berkaitan
- Tarikh pemeriksaan terakhir (bagi audit semula)
- Kedudukan establishmen (contoh; pertukaran pengurusan, pertambahan skop pengeluaran, kerja baik pulih dan dll.)
- Premis
- Dokumentasi
- Verifikasi Rekod

3. Ketidakakuran (jika ada)

(Sila lampirkan laporan ketidakakuran)

4. Cadangan

5. Rumusan

Nota: Sila rujuk senarai semak kepungan yang digunakan.

	<p>PEMERIKSAAN KEAKURAN DAN PEMERIKSAAN ULANGAN KEPUNGAN BABI</p> <p>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA</p>	
LAPORAN KETIDAKAKURAN DAN CADANGAN		
Rujukan: _____ Tarikh : _____		Pemeriksaan: 1. Keakurran i. lapangan <input type="checkbox"/> ii. dokumen <input type="checkbox"/> 2. Ulangan <input type="checkbox"/> 3. Semula <input type="checkbox"/>
Nama Pemeriksa Keakurran: _____		
Nama Kepungan diperiksa: _____ No. Daftar (dimana berkaitan): _____		Tarikh Pemeriksaan: _____
Bil.	Ketidakakuruan / Pemerhatian _____	
Tandatangan Wakil Kepungan : _____		Tandatangan Pemeriksa: _____
Nama: _____		Nama: _____
Jawatan: _____		Jawatan: _____
Tarikh : _____		Tarikh : _____
Bil.	Ketidakakuruan / Pemerhatian _____	Kegunaan Pejabat _____
Tandatangan Wakil Kepungan : _____		Tandatangan Pemeriksa: _____
Nama: _____		Nama: _____
Jawatan: _____		Jawatan: _____
Tarikh : _____		Tarikh : _____

Nama Est. :

No. Est.:

Alamat Est. :

**LOG PEMERIKSAAN KEPUNGAN BABI
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**

PROSEDUR PENYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

DERAF	LANGKAH	AKTIVITI
1	1	JPV memutuskan aliran kerja yang perlu disediakan arahan prosedur tetap
	2	Melantik pasukan penderaf
	3	Deraf pertama (1) diedar untuk ulasan Ketua Seksyen berkaitan. Setelah suntingan, deraf kedua (2) dikeluarkan.
2	4	Deraf kedua (2) diedarkan untuk ulasan kepada Pengarah Bahagian, pakar, mereka yang kanan dan berpengalaman. Setelah suntingan, deraf ketiga (3) dikeluarkan.
3	5	Deraf ketiga (3) diedarkan untuk ulasan berkaitan dasar JPV oleh Ketua Pengarah (KP) dan Timbalan Ketua Pengarah [(TKP(KV) dan TKP(P))]. Setelah suntingan, deraf keempat (4) dikeluarkan.
4	6	Deraf keempat (4) diedarkan untuk ulasan kepada Pengarah JPV Negeri. Setelah suntingan, deraf kelima (5) atau akhir dikeluarkan.
5 (akhir)	7	Ketua Pengarah memberi arahan untuk menerima pakai dokumen tersebut sebagai arahan prosedur tetap.

Penghargaan

Y.H Dato' Dr Mohamad Azmie bin Zakaria (Pengerusi)	Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS
Dr. P. Loganathan	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Jasbir Singh	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Zarina bt Mohamad	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Salina bt Amad Bugis	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr Dayang Salwani bt Masherri	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
En. Husni Panjang	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr Gulam Shah bin Faizal Din	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
Dr Asiah Naina bt Mohd Alim	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
Dr Norhaliza bt Abdul Halim	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
En. Abdul Jalil bin Ibrahim	Bahagian Perancang

JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSIDUR TETAP VETERINAR

Pihak yang terlibat dalam penyediaan Arahan Prosedur Tetap Veterinar ini terdiri daripada:

- Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, JPVM
- Bahagian Perancang, JPVM
- Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, JPVM
- Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, JPVM
- Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, JPVM
- Bahagian Pembangunan Industri Hiliran, JPVM
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, JPVN

No. Penjilidan: APTVM (19a1: 2009)

Kata kunci; Kepungan Babi

Copyright 2009